

# Malaysia-Rusia setuju tubuh suruhanjaya perkongsian strategik

UM - 20/6/07

Daripada AZIZ ISHAK

MOSCOW 19 Jun - Malaysia dan Rusia bersetuju menubuhkan suruhanjaya bersama bagi mempercepat pelaksanaan semua perjanjian dalam menjayakan kerjasama perkongsian strategik antara kedua-dua negara.

Idea penubuhan tersebut dicadangkan oleh Malaysia dan dipersetujui oleh Rusia, yang dilihat satu lagi perkembangan penting dan pemangkin kepada masa depan hubungan dua hala.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan demikian pada sidang

Suruhanjaya itu dapat mempercepatkan segala urusan pelaksanaan semua perjanjian yang dipersetujui di peringkat pemimpin dan kementerian

ABDULLAH AHMAD BADAWI Perdana Menteri

akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Rusia, Vladimir V. Putin di Kremlin di sini hari ini.

Pertemuan Abdullah dan Putin berlangsung hampir sejam dalam suasana mesra. Inilah lawatan pertama Perdana Menteri ke Rusia sejak menyandang jawatan itu pada tahun 2003.

Ia kemudian disusuli dengan

mesyuarat delegasi peringkat tertinggi Malaysia-Rusia sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan sidang akhbar bersama, yang antara lain menyatakan puas hati dengan hasil perbincangan mereka.

Menurut Abdullah, suruhanjaya itu dapat mempercepatkan segala urusan pelaksanaan semua perjanjian yang dipersetu-

jui di peringkat pemimpin dan kementerian termasuk meneliti aspek teknikal.

"Ia akan mengadakan mesyuaratnya setiap tahun dan akan dihoskan secara bergilir-gilir," katanya.

Malaysia dan Rusia juga bersetuju memperluaskan lagi kerjasama dalam bidang penerokaan minyak dan gas selain pelaburan Petronas lebih AS\$1 bilion secara usaha sama dalam syarikat minyak milik kerajaan Rusia, Rosneft.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa banyak pencapaian memberangsangkan beberapa tahun kebelakangan ini da-

■ Lihat muka 2

Sambungan dari muka 1

## Malaysia-Rusia setuju tubuh suruhanjaya perkongsian strategik

UM - 20/6/07

lam kerjasama ekonomi, perdagangan, sains dan teknologi termasuk biotek dan nano serta pendidikan.

Beliau turut melahirkan rasa gembira dengan pencapaian tersebut lebih-lebih lagi tahun 2007 merupakan ulang tahun ke-40 terjalannya hubungan diplomatik Malaysia-Rusia.

Salah satu hasil kerjasama yang menjadi perhatian besar tahun ini ialah program penghantaran angkasan Malaysia ke Stesen Angkasa Lepas pada Oktober ini.

Abdullah menambah Malaysia berbangga dengan program tersebut dan yakin ia dapat menjadi pemangkin kepada industri aeroangkasa negara.

Menurut Perdana Menteri lagi, Malaysia dan Rusia bersetuju untuk memeterai beberapa perjanjian termasuk jaminan pelaburan, elak cukai berganda dan harta intelek.

Di samping itu, katanya, kerjasama pembangunan sukan boleh dipelopori dengan ahli-ahli sukan Malaysia berlatih di negara berkenaan dalam sukan tertentu yang berpotensi.

Ia juga meliputi aspek perubatan sukan dan pema-

kanan sukan untuk meningkatkan kecemerlangan atlet bagi saingan peringkat antarabangsa," jelas beliau.

Sementara itu, Putin berkata, Rusia bersetuju dengan penubuhan suruhanjaya itu kerana melihat Malaysia sebagai rakan kongsi penting.

Beliau juga menyatakan keyakinan bahawa perdagangan dua hala akan mencatatkan peningkatan besar dalam tahun-tahun akan datang.

Katanya, ini berdasarkan jumlah perdagangan dua hala pada tahun 2006 mencecah lebih AS\$ 1.1 bilion dan meningkat 2.6 peratus pada suku tahun pertama, tahun ini.

Putin berkata, negaranya amat gembira dapat bekerjasama dengan Malaysia dalam menjayakan program penghantaran angkasan.

Kedua-dua pemimpin itu turut membincangkan isu-isu antarabangsa antaranya perkembangan di Palestin, isu nuklear dan Iraq.

"Saya yakin perkongsian yang semakin kukuh ini akan membawa hubungan yang lebih ke hadapan," katanya.

- Utusan